

SIARAN MEDIA

KPKT TERUSKAN PEMANTAUAN DAN SESI LIBAT URUS DALAM USAHA MEMASTIKAN PEMAJUAN PERUMAHAN BERJALAN LANCAR DI KELANTAN

KELANTAN, 11 Jun 2023 – YB Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir, Timbalan Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) hari ini meneruskan agenda turun padang ke tapak projek perumahan yang ‘sakit’ bagi melihat sendiri isu berbangkit dan mencari penyelesaian yang terbaik. Lawatan kerja pada hari ini adalah di empat (4) projek pembangunan swasta di daerah Machang Kelantan iaitu Taman Anggerik Putih Fasa 1, Taman Anggerik Putih Fasa 2, Taman Baiduri dan Taman Machang Harmoni.

Menurut YB Akmal, “Sebagaimana yang telah diumumkan dalam sidang media yang lepas, Kelantan merupakan antara negeri yang peratusannya tertinggi di mana projek perumahan swasta yang tidak mengikut perancangan yang ditetapkan. Oleh itu, lawatan tapak ini diadakan bersekali dengan sesi libat urus bersama Kerajaan Negeri dan agensi teknikal di negeri sebagai usaha intervensi daripada Kerajaan Persekutuan untuk membantu memudahcara kelancaran projek”.

Taman Anggerik Putih Fasa 1 dan Taman Anggerik Putih Fasa 2 merupakan projek yang dimajukan oleh pemaju yang sama iaitu Legenda Sonata Sdn. Bhd. Taman Anggerik Putih (Fasa 1) merupakan pemajuan 351 unit rumah teres 1 tingkat mula dimajukan pada tahun 2019 dan sepatutnya menerima Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (*Certificate of Completion and Compliance, CCC*) pada 30 Julai 2021. Walau bagaimanapun, atas pindaan keperluan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) supaya menukar jalan masuk, maka projek ini mengalami kelewatan untuk disiapkan. Pada masa ini, cadangan jalan masuk yang baharu berada diperingkat Audit Keselamatan Jalan Raya (*Road Safety Audit, RSA*) dan Penilaian Kesan Trafik (*Traffic Impact Assessment, TIA*).

Taman Anggerik Putih Fasa 2 pula merupakan pemajuan 171 unit rumah teres 1 tingkat yang mula dimajukan pada Februari 2021 dan projek sepatutnya siap pada Februari 2023. Kelewatan pemasangan pencawang Tenaga Nasional Berhad (TNB) menyebabkan kerja-

kerja turapan jalan terganggu seterusnya mengakibatkan kelewatan ke atas penyiapan kerja. Sesi libat urus bersama pihak TNB telah diadakan dan komitmen telah diberikan untuk memulakan kerja pada 15 Julai 2023. Pemaju menjangkakan projek ini menerima CCC pada Disember 2023.

Seterusnya projek perumahan Taman Baiduri terdiri daripada 49 unit rumah teres satu tingkat dan 14 unit rumah sesebuah satu tingkat dimajukan oleh pemaju KB Bumico Sdn. Bhd. Projek ini telah bermula pada Mac 2021 dan sepatutnya siap pada Februari 2023. Kekangan pemaju untuk memajukan projek ini disebabkan oleh kerumitan dalam kerja-kerja pembinaan infrastruktur disebabkan oleh struktur tanah. Kerja penggalian tanah untuk penanaman paip retikulasi air, paip sistem kumbahan, perparitan dan pembinaan loji rawatan kumbahan (*Sewage Treatment Plant*, STP) tidak dapat dilakukan atas faktor kelembapan tanah yang tinggi serta keselamatan ruangan kerja. Mengambil kira STP yang masih dalam pembinaan dan pemeriksaan akhir oleh agensi teknikal dalam mendapatkan sokongan sijil CCC, pemaju menjangkakan projek ini akan memperolehi CCC penuh pada Disember 2023.

Tapak projek terakhir yang dilawati adalah Taman Machang Harmoni 34 unit rumah teres satu tingkat yang dimajukan oleh Bersatu Jaya Properties Sdn. Bhd. Penjualan unit rumah pertama telah dibuat pada September 2014 dan projek sepatutnya siap pada 3 September 2016. Berdasarkan situasi semasa projek ini, pemaju menghadapi masalah aliran kewangan yang serius menyebabkan pemaju gagal menyiapkan baki kerja-kerja yang tertangguh dan membaik pulih kecacatan pada bangunan. Pemaju juga gagal memperolehi dana tambahan daripada institusi kewangan untuk memulihkan projek ini. Pada masa ini pemaju sedang berusaha mencairkan aset-aset mereka bagi mendapatkan sumber kewangan tambahan.

Bagi menangani permasalahan projek lewat dan sakit yang serius di Kelantan, Taskforce Projek Sakit mengesyorkan supaya Kerajaan Negeri menubuhkan jawatankuasa atau Taskforce berfokus bagi menangani permasalahan projek lewat dan sakit di negeri Kelantan. Dengan pemantauan rapi dan tindakan proaktif yang diambil oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri, KPKT mengunjurkan peratusan projek lewat dan sakit di Kelantan dikurangkan daripada 50% projek sakit dan lewat berbanding keseluruhan projek perumahan berdaftar di Kelantan, kepada 20% menjelang akhir tahun 2024.

KPKT akan terus melakukan pemantauan rapi melalui mesyuarat secara berkala bersama agensi teknikal dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta bersedia menjadi pemudahcara sekiranya terdapat isu berbangkit antara pemaju dan agensi-agensi kerajaan atau teknikal bagi memastikan projek-projek sakit ini dapat disiapkan mengikut tempoh masa yang dicadangkan. Oleh itu, diharapkan kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri secara berterusan dalam menyelesaikan permasalahan projek rumah sakit dan memberi impak positif dalam menjayakan agenda utama KPKT ini demi kesejahteraan para pembeli rumah yang terjejas.

#MalaysiaMadani
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*

